

Ruj : UKM KPD/262/2
Tarikh : 30 November 2015

Semua Pelajar
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

1. PENILAIAN PENGAJARAN KURSUS SEMESTER 1 SESI AKADEMIK 2015-2016
2. PENDAFTARAN AWAL KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2015-2016

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan saudara/i dikehendaki membuat penilaian kursus yang diikuti pada Semester 1 Sesi Akademik 2015-2016 secara atas talian di laman web SPPKE, www.ukm.my/sppke mulai **14 hingga 27 Disember 2015** sebelum membuat pendaftaran awal Semester 2 Sesi Akademik 2015-2016.

Seterusnya, saudara/i **diwajibkan** membuat pendaftaran awal kursus Semester 2 Sesi Akademik 2015-2016 di antara **14 hingga 27 Disember 2015** di laman web SMPE, www.ukm.my/smpe. Sebelum membuat pendaftaran sila rujuk terlebih dahulu senarai kursus yang ditawarkan di laman web PKP mengikut mod pengajian masing-masing. Pendaftaran awal ini penting bagi perancangan PKP untuk semester hadapan.


Semua kursus yang telah didaftarkan semasa pendaftaran awal dianggap akan diambil oleh pelajar melainkan pelajar menggugurkan atau menarik diri kursus semasa tempoh gugur kursus atau tarik diri kursus. Adalah diingatkan semula bahawa pelajar yang menggugurkan kursus atau menarik diri kursus pada semester hadapan akan dikenakan denda seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini. Pastikan hanya kursus yang benar-benar ingin diikuti sahaja didaftarkan.

Kegagalan saudara/i berbuat demikian akan menyulitkan penyerahan bahan bacaan (untuk pelajar yang berkenaan sahaja). Keutamaan diberikan kepada pelajar yang membuat pendaftaran awal secara atas talian.

Sebarang kesulitan sila hubungi pihak kami di talian 03-8921 3375/3769/3887. Kerjasama yang diberikan didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,


PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k. - Ketua Jaminan Kualiti, PKP
- Penyelaras Program, PKP
- Ketua Jabatan Pengurusan Akademik, PKP